

11 OCT 2001

Mahathir-LIMA (Angkasa)

MALAYSIA LANCAR PROGRAM ANGKASA BARU, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 11 Okt (Bernama) -- Malaysia akan melancarkan satu lagi program angkasa dikenali sebagai "NeqO" dengan menempatkan lapan buah satelit kecil di orbit dekat dengan Khatulistiwa untuk mengeksploitasi manfaat angkasa, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Untuk memastikan satelit kita memanfaatkan kita sepenuhnya, ia harus diletakkan di orbit dekat dengan Khatulistiwa," katanya pada majlis meraikan ulangtahun pertama pelancaran satelit mikro negara TiungSAT-1 di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA '01) di sini.

Teks ucapan Perdana Menteri dibacakan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Sebelum ini, kata Dr Mahathir, semua satelit penderiaan jauh dilancar ke orbit yang lebih memanfaatkan negara-negara di latitud tinggi.

Untuk menjayakan program angkasa "NeqO" itu, dua buah program iaitu Medium Aperture Program dan program "SPORT (Small Payload Orbit Transfer) Space Vehicle" sedang dibangunkan, katanya.

Medium Aperture program itu dibangunkan oleh Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB) dan syarikat SaTReCi Co Ltd dari Korea Selatan untuk membina kamera satelit yang mempunyai resolusi 2.5 meter dan 5 meter.

Program SPORT Space Vehicle itu pula dibangunkan oleh ATSB dan syarikat AeroAstro dari Amerika Syarikat bagi merekabentuk dan membina mekanisme yang dapat digunakan bagi membolehkan satelit berada pada orbit yang sesuai.

Kedua-dua program itu mempunyai penglibatan sepenuhnya jurutera tempatan dan asing, katanya.

Dr Mahathir berkata program angkasa baru itu dibuat berikutan kejayaan Malaysia di dalam program TiungSAT-1 tahun lepas.

Malaysia harus sentiasa mencari peluang-peluang usahasama dengan negara-negara lain untuk memaksimumkan sumber, katanya.

"Persediaan kita untuk menjadi negara maju harus merangkumi penguasaan teknologi kritikal, antaranya teknologi maklumat, sains bahan dan kejuruteraan biologi," katanya.

Dr Mahathir berkata perkembangan dalam teknologi angkasa mempunyai spin-off yang boleh memanfaatkan bidang-bidang tersebut.

Malah, perkembangan teknologi angkasa berpotensi untuk berkembang bagi menghasilkan produk dan proses baru serta mencetus industri baru.

"Peranan teknologi angkasa dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia sudah jelas, maka kita harus bergerak ke hadapan dengan azam yang kuat bersandarkan strategi-strategi yang membolehkan kita tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak lain.

"Malaysia tidak harus cuma menjadi pengguna atau penonton perkembangan teknologi sahaja," katanya.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis itu berkata satelit kecil pertama "NeqO" dijangka akan dilancarkan dalam tempoh dua tahun lagi.

Baki tujuh satelit kecil itu akan dilancarkan secara berperingkat-peringkat di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, katanya.

Program satelit baru itu antara lain boleh digunakan untuk aplikasi tentera, kesihatan, pertanian, pengurusan sumber asli, pengurusan alam sekitar dan pendidikan, katanya.

-- BERNAMA
JM MOZ